

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SEU 309 -Pemikiran Ekonomi Islam

Tarikh: 11 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
[3 Jam]

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. "Yang menjadi asas kepada usaha-usaha memperkembangkan ekonomi Islam ialah bahawa paradigma ekonomi Islam adalah berbeza daripada paradigma-paradigma ekonomi lain."

- (JRIE, Vol.2 No.2, 1985, h.87)

Nyatakan nama khas paradigma sistem ekonomi Islam, danuraikan prinsip-prinsip utama paradigma tersebut.

2. Apakah ciri-ciri tradisi sains di dalam sesuatu pentakrifan? Sejauhmanakah takrif ekonomi Islam yang dikemukakan di bawah ini sesuai dengan tradisi sains serta notion (idea) memperkembangkan ekonomi Islam?

"Ekonomi Islam mengkaji tingkah laku manusia memaksimumkan kepuasan mereka, tetapi setiap cara dan langkah itu dibuat mengikut hukum Islam dan tidak melanggar ajaran Al-Quran dan Sunnah."

(Oleh: Pelajar 87/88)

3. Kekuatan ekonomi kapitalis terletak pada perusahaan bebas (free enterprise); Islam juga menyokong perusahaan bebas. Bagaimanakah boleh dikatakan bahawa ekonomi Islam adalah berbeza daripada ekonomi kapitalis? Huraikan.

... 2/-

4. Di dalam tulisan-tulisan awal mengenai ekonomi Islam, pengarang-pengarang tidak lalai daripada merujuk kepada ajaran-ajaran Al-Quran dan Hadis yang penuh makna. Bincangkan prinsip-prinsip ekonomi mengikut Quran dan Hadis sepetimana yang dikemukakan di dalam thesis Dr. M. Hassan-uz-Zaman.


5. "Di zaman jahiliyah, sumber-sumber kewangan telah digerakkan sama ada di atas asas-asas bunga (interest) atau mudarabah dan syirkah. Namun Islam telah mengharamkan asas riba (bunga) dan mengendalikan segala urusan pengeluaran dan perdagangan di atas asas-asas mudarabah dan syirkah."

(Dr. M. Umar Chapra, 1985)

[a] Kenapakah idea mudarabah dan syirkah sangat penting di dalam pelaksanaan ekonomi Islam?

[b] Kenalpastikan bentuk-bentuk organisasi pengeluaran dan perniagaan yang mengambil asas-asas mudarabah dan syirkah.

6. Model firma pengeluaran monopoli dapat digambarkan dengan rajah berikut:



[a] Kenalpastikan kuantiti pengeluaran monopoli, harga monopoli dan keuntungan monopoli.

[b] Kemukakan justifikasi-justifikasi ekonomi dan sosial yang menyebabkan Islam mengharamkan monopoli.

7. Pilih SATU daripada institusi-institusi yang disenaraikan, dan bincangkan dengan kritis tentang kepentingannya terhadap ekonomi ummah dan pencapaiannya kini:

- [a] Institusi Baitul-Mal
- [b] Institusi Wakaf
- [c] Institusi Zakat
- [d] Institusi Takaful
- [e] Bank Islam Malaysia

- oooOooo -